



Bersama
Prof Dr Taufiq
Yap Yun Hin

Allah SWT mencipta alam ini termasuk langit, bumi dan segala isinya adalah untuk dimanfaatkan dengan sebaiknya.

Ia memberikan konsep ketuhanan sebenar iaitu tiada Tuhan yang layak disembah melainkan Allah.

Bagaimanapun, ramai manusia tidak menghargai nikmat alam hinggakan berlaku banyak kerosakan dan kemusnahan di atas muka bumi ini.

Seperti firman Allah dalam **surah Faathir, ayat 3**, yang bermaksud: "Wahai manusia, kenangkanlah nikmat Allah yang dikurniakan-Nya kepada kamu, tidak ada sama sekali

HARIAN METRO 19/4/2018 p. 33

Mentadbir alam penuh bijaksana

yang menciptakan sesuatu selain daripada Allah, ia memberi rezeki kepada kamu dari langit dan bumi. Tiada Tuhan melainkan Dia, maka mengapa kamu rela dipalingkan (dari menyembahnya)?"

Allah turunkan hujan bagi menjadikan tanah subur. Ia menghasilkan tumbuhan yang dapat dijadikan sumber makanan kepada manusia.

Allah berfirman yang bermaksud: "Dialah yang menjadikan bumi ini untuk kamu sebagai hamparan, dan langit (serta segala isinya) sebagai bangunan (yang dibina dengan kukuhnya); dan diturunkan-Nya air hujan dari langit, lalu

dikeluarkan-Nya dengan air itu berjenis-jenis buah-buahan yang menjadi rezeki bagi kamu; maka janganlah kamu mengadakan bagi Allah, sebarang sekutu, padahal kamu semua mengetahui (bahawa Allah ialah Tuhan Yang Maha Esa)." (**Surah al-Baqarah, ayat 22**)

Begin juga dengan udara. Semua itu diberikan Allah secara percuma untuk pernafasan manusia.

Namun, kerana kerakusan manusia, udara yang kita sedut setiap hari berdepan risiko dicemari gas berbahaya selain dipenuhi partikel yang boleh merosakkan paru-paru.

Selain itu, penggondolan bukit-bukau dan

pembakaran hutan tidak terkawal menyebabkan keseimbangan sistem ekologi terganggu.

Ia mengakibatkan kejadian tanah runtuh dan banjir besar tidak dapat dikawal.

Komposisi udara juga turut berubah menyebabkan kuantiti oksigen berkurangan dan berlaku penambahan gas karbon dioksida.

Sungai yang membekalkan air bersih dicemari sampah dan bahan sisa perlادangan serta perkilangan.

Situasi itu mengakibatkan bekalan air bersih berkurangan dan kos pembersihan dan rawatan air menjadi sangat tinggi.

Allah memberi peringatan seperti firman-Nya yang bermaksud; "Telah kelihatan kerosakan di darat dan di laut disebabkan perbuatan tangan manusia, kerana Allah hendak merasakan mereka sebahagian daripada balasan perbuatan buruk yang mereka lakukan supaya mereka kembali insaf." (**Surah ar-Rum, ayat 41**)

Islam memberikan penekanan serius mengenai penjagaan alam dan menyeru manusia mengekalkan pemeliharaannya sebagai satu nikmat-Nya.

Malah, Islam melarang kerosakan dan kemusnahan dan menggesa manusia memanfaatkan

khazanah alam kerana itu dikira sebagai ibadat agung di sisi Allah.

Pada masa sama Islam sebagai satu cara hidup menyusun peradaban dan etika manusia dengan makhluk lain meliputi alam dan segala ciptaan-Nya.

Sesuai dengan tujuan penciptaan utama manusia di atas muka bumi ini iaitu sebagai khalifah.

Justeru, manusia diberi tanggungjawab mentadbir dan mengurus alam dengan penuh kebijaksanaan sesuai dengan akal yang diberikan untuk kemaslahatan manusia dan keharmonian alam seluruhnya.

Penulis ialah Presiden Persatuan Cina Muslim Malaysia (MACMA) dan profesor di Jabatan Kimia, Fakulti Sains Universiti Putra Malaysia